

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED
FADZIL [LEMBAH PANTAI]**

SOALAN NO. 48

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah graduan perubatan yang menganggur, punca-punca pengangguran serta strategi Kementerian untuk mengatasi lambakan graduan perubatan di pasaran.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Data sehingga Disember 2018 merekodkan terdapat sebanyak 18 buah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang menawarkan program perubatan. Pada tahun 2018 tersebut, seramai 1,245 pengambilan pelajar baharu telah dibuat, 8,813 enrolmen pelajar semasa dan output atau graduan adalah seramai 2,251. Bagi mengatasi lambakan graduan perubatan, antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh kerajaan adalah dengan melaksanakan moratorium terhadap program baharu perubatan mulai tahun 2011.

Selain itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga menghadkan kuota pengambilan pelajar perubatan terhadap institusi yang berupaya menyediakan fasiliti pembelajaran yang terbaik sahaja. Walau bagaimanapun, pelaksanaan program perubatan sedia ada di institusi masih lagi dibenarkan membuat pengambilan pelajar dengan pemantauan KKM dan Majlis Perubatan Malaysia.

Antara langkah-langkah yang sedang dilaksana oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam menjamin kemapanan penawaran program pengajian ialah menetapkan kepada semua institusi untuk melaksanakan proses saringan awal yang menyeluruh terhadap program-program yang hendak ditawarkan oleh Universiti awam (UA). Tindakan yang dilaksanakan oleh UA ialah menjalankan kajian analisis yang terperinci terhadap program-program akademik yang hendak ditawarkan, dijumudkan, dibekukan atau dilupuskan supaya hanya program yang menjadi fokus dan keperluan guna tenaga negara sahaja yang ditawarkan.

Program akademik yang akan ditawarkan juga mesti mengambil kira keperluan guna tenaga dan bidang kritikal yang telah dikaji dan dibentangkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perangkaan Malaysia, *Institute of Labour Market Information Analysis (ILMIA)*, *Talentcorp*, Jobstreet dan lain-lain agensi berkaitan yang turut hadir dalam mesyuarat saringan awal dan perakuan program. Ini adalah bagi memastikan program akademik yang hendak ditawarkan dapat memenuhi keperluan guna tenaga negara dan tidak berlaku lambakan graduan dalam bidang-bidang tertentu atau memenuhi pekerjaan yang kurang diperlukan.

Pihak Kementerian juga memberi penekanan kepada UA supaya menyemak semula program akademik sedia ada samada masih relevan dan bersesuaian dengan keperluan pasaran. Bagi program akademik yang tidak mempunyai permintaan yang tinggi, tidak menepati kehendak pasaran dan industri, tidak berdaya saing, rendah kadar kebolehpasaran graduan serta tidak bersifat *nation building*, akan dijumudkan atau dilupuskan. Manakala program akademik yang dikekalkan dalam sistem penawaran adalah program yang menepati aspek keperluan tenaga negara, laluan kerjaya dan tahap kebolehpasaran graduan yang tinggi atau tiada duplikasi program akademik sedia ada di kalangan institusi pendidikan tinggi (IPT) lain.

Kementerian dan UA juga melaksanakan transformasi penawaran program akademik universiti awam yang bertujuan memastikan program

NO. SOALAN: 48

akademik yang akan ditawarkan merupakan program yang relevan, terkini dan mempunyai kadar kebolehpasaran graduan yang tinggi. Antara transformasi tersebut ialah program 2u2i, *Work Based learning* (WBL) dan sebagainya. Melalui penubuhan Jawatankuasa Transformasi Program Akademik Universiti Awam ini, faktor-faktor lain yang diambil kira ialah implikasi kewangan, penjawatan dan fizikal, perkembangan polisi dan dasar terkini negara berkaitan bidang pendidikan tinggi agar bidang yang ditawarkan kekal relevan, berdaya saing serta memenuhi keperluan industri semasa selari dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).

RT05/48